

10/05/2001

Kementerian lewat perjasas kuota ke IPTA kerana cuti

Zulkofli Jamaludin; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Rabu - Isu pengisian 7,168 kuota Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menjadi kontroversi berikutan salah faham dan kelewatan Kementerian Pendidikan memberi penjelasan kerana cuti hujung minggu yang panjang.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad, berkata angka kekosongan itu tidak wujud kerana ia sebenarnya berpunca daripada kekeliruan akhbar yang tersalah anggap perbezaan di antara sasaran pengambilan pelajar dengan pengambilan yang dibuat melalui Mesyuarat Pemilihan Bersama IPTA, sebagai kekosongan yang tidak diisi.

"Sasaran itu ialah untuk 38,000 tempat (bagi sesi 2001/2002) dan pengambilan pada mesyuarat itu ialah 30,832 pelajar. Perbezaan 7,168 tempat itu telah dianggap sebagai kekosongan," katanya.

Beliau memberi penjelasan mengenai perkara itu di Dewan Rakyat hari ini dengan merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14(1) yang membenarkan pihak kerajaan membuat penjelasan di Parlimen mengenai sesuatu isu berbangkit.

Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail, sebelum itu memberitahu Dewan Rakyat bahawa beliau menolak usul Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) bertarikh 4 Mei untuk membincangkan perkara itu pada sidang semalam kerana kementerian bercadang membuat penjelasan.

Musa berkata, sebenarnya jumlah 30,832 tempat yang diisi tidak mengambil kira 8,365 pelajar matrikulasi, termasuk 5,761 pelajar matrikulasi kementerian dan 2,604 pelajar Program Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Jika dikira secara keseluruhan, jumlah pengambilan sebenar bagi sesi akademik 2001/2002 ialah 39,197 pelajar iaitu melebihi sasaran pengambilan sebanyak 1,197 orang.

"Justeru, dakwaan bahawa tidak cukup pelajar Bumiputera berkelulusan minimum adalah tidak benar, sebaliknya 11,376 calon Bumiputera lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang layak, tidak mendapat tempat dalam program ijazah pertama di IPTA bagi sesi akademik 2001/2002," katanya.

Bagi mengatasi masalah itu, beliau berkata kementerianya menetapkan sasaran meningkatkan pengambilan pelajar di IPTA kepada 50 peratus berbanding 25 peratus sekarang dalam tempoh 10 tahun Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3).

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen, Musa berkata kementerianya lewat memberikan penjelasan mengenai salah faham itu kerana cuti Sabtu minggu pertama bagi Mei diikuti Ahad dan cuti umum Hari Wesak pada Isnin.

"Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said (pada mulanya) bercadang membuat sidang akhbar pada Sabtu (cuti Sabtu pertama) dan (kemudian) Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah membuat kenyataan mengenai perkara itu.

"Kementerian tidak mahu mengeluarkan kenyataan tanpa memberi penjelasan kepada Perdana Menteri terlebih dahulu. Oleh itu, hari yang terbaik ialah semalam (Selasa)," katanya.

Dr Mahathir ketika mengulas perkara itu pada Ahad lalu berkata, kerajaan mungkin membuka kuota bagi pelajar Bumiputera yang gagal diisi di IPTA, untuk dipenuhi pelajar bukan Bumiputera.

Mengenai 340 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada 500 pelajar cemerlang yang masih belum ditempatkan di IPTA, Musa berkata ia tidak dapat dielakkan kerana persaingan tinggi di kalangan pelajar.

Katanya, peluang yang ditawarkan juga agak kecil iaitu hanya 4,433 tempat sedangkan 43,987 calon memohon, termasuk 25,714 calon Bumiputera dan 18,273 calon bukan Bumiputera.

Hanya tiga institusi yang menyediakan 4,433 tempat itu, termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTO) dan Universiti Malaya (UM), berdasarkan keputusan SPM pelajar.

Oleh itu, pelajar bukan saja perlu cemerlang dalam kelima-lima bidang akademik, termasuk sains serta matematik, sebaliknya harus juga cemerlang dalam bidang kokurikulum selain diwajibkan menjalani temu duga.

Bagaimanapun, Musa berkata oleh kerana ada lebih kurang 500 pelajar yang sangat cemerlang, tetapi tidak terpilih, beberapa universiti bersetuju memberi pertimbangan khas kepada 160 pelajar yang mencapai 10A atau lebih dan sebilangan pelajar 9A.

"Pintu memasuki universiti tidak tertutup terus kepada mereka ini kerana masih berpeluang melanjutkan pelajaran dalam tingkatan enam, menyertai maktab atau politeknik selain memasuki institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

"Peluang belajar di IPTS hampir sama dengan tempat di IPTA dan dakwaan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) bahawa pelajar terpaksa mencari peluang pendidikan di luar negara tidak harus wujud atau sekurang-kurangnya diredakan," katanya.

Bagaimanapun, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, pada sidang akhbar di lobi Parlimen semalam berkata, beliau masih berpegang dengan kenyataan Prof Dr Hassan bahawa 7,168 tempat di IPTA masih belum diisi.

Katanya, tindakan Musa bermain dengan angka hanya meningkatkan kesangsian masyarakat terhadap dasar pengambilan pelajar IPTA negara dan satu jawatankuasa bebas perlu ditubuhkan bagi menyiasat kaedah pengambilan pelajar IPTA.

(END)